

4



# E-BULETIN ACIS

## MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkuuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

### MENARIK EDISI KEEMPAT:

**MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:**

**ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,  
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND**

**SEMINAR ANTARABANGSA**

**ICIS, ISPS & IPCIS**

**MEMPERKASA**

**ENTITI**

**KECEMERLANGAN**

**MOU &**

**MOA**

**ACIS &**

**KOMUNITI**





[9 September 2023]

Seminar Hibah Kontemporari: Urus Harta Elak Sengketa anjuran Islamic Family Law Centre ACIS dengan kerjasama Wasiyyah Shoppe telah berlangsung di Dewan Muktamar 1, Pusat Islam UiTM Shah Alam bermula 8 pagi sehingga 5:30 petang. Seminar ini telah di rasmikan oleh YBhg. Prof Dekan ACIS.

Seminar telah menyaksikan pembentangan daripada pakar bidang yang dimulakan oleh YBhg Dr Mohd Zamro Muda (Pensyarah Kanan UKM) dengan tajuk "hibah bersyarat: Aplikasi Mengikut Hukum Syarak & Undang undang di Malaysia".

Seterusnya YBhg. Dr Noor Lizza Mohammed Said (Pensyarah Kanan UKM) menyampaikan tajuk "Harta Bercagar: Perkembangan Kes & Undang Undang Terkini di Malaysia".

Seminar ditutup dengan pembentangan terakhir daripada Pn Delaila Aziz (Ketua Jabatan Kecemerlangan Perniagaan- Wasiyyah Shoppe) yang berkongsi tajuk "Perkembangan isu-isu semasa dalam amalan hibah".

Program yang diadakan bagi meningkatkan kesedaran awam berkaitan konsep hibah ini diharapkan mencapai matlamatnya dan memberi nilai tambah kepada semua peserta khususnya dalam perkara melibatkan urusan hibah keluarga.



[22 Jun 2023]

Kunjungan Hormat daripada @Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ke Cempaka 5, ACIS yang disertai oleh Tuan Mohamad Zakian Dio (Pengarah Kanan Kehakiman); Pn Maria Jilani (Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga); Dr Jazilah Mohd Saad @ Mat Saud (Pegawai Penyelidik Pejabat Hakim Rayuan Syariah); Tuan Mamat Haizan Salleh (Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan); Tuan Mohd Yusof Sulaiman (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga) dan Puan Siti Madihah Ruzmi (Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga). Kunjungan ini bagi membincangkan program- INTERNATIONAL CONFERENCE FAMILY LAW (ICFL) 2024 yang dijadualkan berlangsung sekitar ogos 2024.



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.